

24/01/1997

MEC: Proses lupus kepentingan lancar

Mutazar Abd Ghani

KUALA Lumpur Industries Holdings Bhd (KLIH) kini dalam peringkat akhir untuk melupuskan 30 peratus kepentingannya dalam Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC) kepada Khazanah Holdings Bhd (Khazanah) dan 10 peratus kepada pelabur Bumiputera.

Menurut sumber, proses itu dijangka diselesaikan dan diumumkan secara rasmi sedikit masa lagi.

Berikutan langkah itu, KLIH yang kini menguasai 100 peratus kepentingan dalam MEC, pengeluar barangan elektrik dan peralatan rumah nasional pertama di negara ini, akan dikurangkan kepada 60 peratus apabila proses itu selesai.

Jun lalu, MEC menyatakan ia membuat sedikit perubahan ke atas pegangan ekuitinya dengan mencadangkan KLIH kekal sebagai pemegang saham utama dengan 60 peratus ekuiti, 30 peratus kepada Khazanah dan 10 peratus untuk rakan Bumiputera.

KLIH yang disenaraikan di kaunter hartanah di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), akan memajukan perbandaran perindustrian berharga RM4 bilion dikenali sebagai Bandaraya MEC di tapak seluas 1,620 hektar di Gambang, dekat Kuantan, Pahang, menerusi MEC.

Projek gergasi itu diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha Malaysia mencapai wawasan 2020. Apabila beroperasi sepenuhnya 10 tahun nanti, kompleks kilang MEC itu akan mengeluarkan lebih 200 produk elektrik dan peralatan rumah, termasuk periuk nasi, televisyen, peti sejuk, penyaman udara, alat pandang dengar dan peralatan hi-fi.

Sementara itu, MEC menetapkan sasaran untuk menguasai 90 peratus bahagian pasaran periuk nasi negara ini menerusi keluaran sulungnya, dikenali sebagai Puteri tahun ini.

Pengurus pemasaran barangan pengguna MEC Sales and Services Sdn Bhd (MEC Sale and Service), bahagian pemasaran MEC, J E Ng, berkata ini berdasarkan jangkakan jualan 25,000 hingga 30,000 unit Puteri tahun ini.

"Pesaing utama syarikat bagi produk berkenaan ketika ini adalah syarikat Jepun," katanya pada majlis taklimat media mengenai produk berkenaan di Subang, kelmarin.

Menurutnya, syarikat itu melabur RM8 juta bagi menghasilkan Puteri di kilang MEC di Balakong, Selangor, sambil menambah periuk nasi itu mendapat pengiktirafan mutu daripada Sirim Bhd.

Ng berkata, MEC Sales and Services juga merancang mengeksport Puteri ke beberapa negara Asean tahun ini, termasuk Thailand, Indonesia, Kemboja, Myanmar, Laos dan Vietnam.

Menurut beliau, pihaknya kini mempunyai mempunyai 200 wakil penjual untuk memasarkan Puteri dan 200 lagi wakil penjual akan dilantik menjelang Mac ini.

Harga runcit periuk nasi Puteri adalah RM249 untuk model HRC-18EA dan RM339 (HRC-18CA), dan ia boleh didapati dalam dua pilihan warna - beige dan kelabu.

(END)